

**PERLEMBAGAAN BAGI  
PERTUBUHAN INDUK  
PERSATUAN PEGAWAI SAINS UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(PPM-026-10-30112018)**

**FASAL 1 NAMA**

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

**PERSATUAN PEGAWAI SAINS UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama. : **PERSATUAN PEGAWAI SAINS UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

(3) Taraf Pertubuhan : **Negeri**

**FASAL 2 TEMPAT URUSAN**

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**FAKULTI SAINS UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
43400 UPM SERDANG  
SELANGOR**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**FAKULTI SAINS UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
43400 UPM SERDANG  
SELANGOR**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

**FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT**

1. Menjaga kepentingan dan kesejahteraan Ahli.
2. Menggalakkan latihan, pembelajaran, interaksi berterusan di kalangan Pegawai Sains bagi meningkatkan prestasi kerjaya dan sumbangan terhadap organisasi.

3. Mewujudkan kerjasama dengan organisasi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) yang berfaedah kepada masyarakat dan Negara dengan kelulusan pihak berkuasa.
4. Menjadi badan rujukan dan khidmat nasihat dalam bidang kepakaran bagi perkhidmatan sains.

#### FASAL 4 KEAHLIAN

1. Kriteria keahlian pertubuhan adalah seperti berikut;
  - A. Ahli Biasa
    - i. Kewarganegaraan : Malaysia
    - ii. Umur Minima : 21 tahun
    - iii. Kawasan/Negeri Tempat Tinggal Ahli : Seluruh Malaysia
    - iv. Keturunan/Bangsa : Semua Bangsa
    - v. Agama : Semua Agama
    - vi. Kriteria Keahlian Yang Lain: Bertaraf Tetap dan Kontrak. Boleh mengundi dan diundi semasa Mesyuarat Agung Persatuan.
  - B. Ahli Bersekutu  
-Tiada-
  - C. Ahli Kehormat  
-Tiada-
  - D. Ahli Seumur Hidup  
-Tiada-
  - E. Ahli Remaja  
-Tiada-
  2. Ahli Biasa Persatuan ini terbuka kepada staf berjawatan Pegawai Sains di Universiti Putra Malaysia sahaja.
  3. Seseorang yang ingin menjadi ahli hendaklah memohon dan mendaftar namanya, nama-nama tanggungannya dan nama warisnya yang lengkap dengan umur dan alamat kepada Setiausaha.
  4. Setiausaha hendaklah memproses permohonan keahlian dan membawanya untuk pertimbangan Jawatankuasa. Mesyuarat Jawatankuasa berhak menolak sesuatu permohonan untuk menjadi ahli tanpa sebarang sebab.

5. Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran pertama seperti yang ditetapkan hendaklah diterima menjadi ahli Persatuan dan hendaklah ia sebagai ahli.

## FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

1. Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Persatuan hendaklah memberi kenyataan bertulis 2 minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.
2. Mana-mana ahli yang telah tamat perkhidmatan (tetap dan Kontrak) di Universiti Putra Malaysia, adalah gugur keahliannya secara automatik.
3. Mana-mana ahli yang gagal mematuhi perlembagaan Persatuan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik Persatuan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh masa yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung keahlian ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

## FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan pertubuhan ini adalah daripada:

1. Bayaran Masuk:  
RM5.00 (Ringgit Malaysia: LIMA) sahaja
2. Yuran  
RM50.00 (Ringgit Malaysia: LIMA PULUH) sahaja
  - a) Yuran tahunan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu selewat-lewatnya pada 31 Mac setiap tahun.
  - b) Yuran seumur hidup (perlu dijelaskan semasa permohonan ahli) – Tidak berkenaan.
  - c) Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada dua (2) bulan daripada tarikh akhir bayaran sepatutnya dijelaskan, akan menerima surat peringatan yang ditandatangan oleh Setiausaha, Penolong Setiausaha atau Presiden, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.
  - d) Ahli yang membiarkan hutangnya setelah menerima tiga (3) kali surat peringatan, dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli.

- e) Persatuan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.
- f) Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.
- g) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa.

### 3. Sumbangan

Sumbangan daripada organisasi kerajaan, bukan kerajaan atau mana-mana pihak lain, perlulah mengikut peraturan dan mendapat kelulusan pihak berkuasa.

### 4. Kegiatan Ekonomi

Persatuan boleh menjalankan aktiviti atau program yang boleh mendatangkan pendapatan berdasarkan perancangan dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa.

### 5. Faedah Ahli

- a) Wang bantuan bagi menunaikan Haji kali pertama adalah sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus sahaja)
- b) Wang bantuan bagi ahli bukan Islam bagi tujuan lawatan ke luar negara sekali sepanjang perkhidmatan adalah sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus sahaja)
- c) Tamat perkhidmatan (Tetap dan Kontrak) adalah sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus sahaja)
- d) Hadiah Anak Cemerlang UPSR adalah sebanyak RM50.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus sahaja)
- e) Hadiah Anak Cemerlang PT3 adalah sebanyak RM80.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus sahaja)
- f) Hadiah Anak Cemerlang SPM adalah sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus sahaja)
- g) Wang bantuan akan dikeluarkan apabila berlaku kematian ahli atau keluarga terdekat\* adalah sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus sahaja)

\*Keluarga terdekat adalah terdiri dari:

- i. Suami
- ii. Isteri Pertama
- iii. Ibu kandung
- iv. Bapa Kandung

- v. Anak Kandung
- vi. Anak angkat yang telah didaftarkan

## FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

1. Pengelolaan Persatuan ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.
2. Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang telah ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda perlembagaan pertubuhan.
3. Mesyuarat Agung tahunan bagi Persatuan hendaklah diadakan dalam tempoh 12 bulan setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb Mac pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa. Agenda Mesyuarat Agung adalah:
  - a. mempertimbangkan laporan Jawatankuasa berkenaan aktiviti pertubuhan yang lalu;
  - b. mempertimbangkan laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit;
  - c. memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan melantik Juruaudit (jika berkenaan)
  - d. menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.
4. Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 30 hari sebelum Mesyuarat Agung tahunan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan minit mesyuarat dan laporan aktiviti tahunan serta penyata kira-kira Persatuan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan dokumen-dokumen ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Persatuan.
5. Mesyuarat Agung Khas bagi pertubuhan ini boleh diadakan:
  - a. bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa; atau
  - b. atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari satu perlima 1/5 dari jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan

dan sebab mengadakannya. Permintaan ini hendaklah dihantar kepada Setiausaha Persatuan.

6. Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
7. Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli-ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
8. Fasal 7(1) dan 7(2) di dalam perlombagaan ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung tahunan terpakai untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
9. Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan minit Mesyuarat Agung tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dalam tempoh 3 bulan setelah selesainya mesyuarat itu.

## FASAL 8 JAWATANKUASA

1. Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih sekali setiap dua (2) tahun di dalam Mesyuarat Agung tahunan:

Seorang Presiden  
Seorang Timbalan Presiden  
Seorang Setiausaha  
Seorang Penolong Setiausaha  
Seorang Bendahari  
Sekurang-kurangnya 11 orang Exco

2. Pemegang-pemegang jawatan Persatuan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Persatuan ini hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia.
3. Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung sekali setiap dua (2) tahun. Semua pegawai boleh dilantik semula setiap dua (2) tahun.
4. Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Persatuan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh mesyuarat agung.

Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan mesyuarat agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun yang lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung.

5. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli Jawatankuasa 7 hari terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
6. Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan dari ahli-ahli Jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa:
  - a. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa;
  - b. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap itu; dan
  - c. Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatitkan dalam minit.
7. Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan.
8. Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung diadakan.
9. Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Persatuan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantungkan atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Persatuan.

10. Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

11. Jawatankuasa yang lama hendaklah menyerahkan semua dokumen Pertubuhan seperti sijil pendaftaran, perlumbagaan berdaftar, salinan Penyata Tahunan, surat-surat maklumbalas, buku-buku akaun, buku bank, cek dan resit, geran-geran tanah, senarai aset dan sebagainya kepada Jawatankuasa baru.

## **FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI**

1. Presiden, dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani minit mesyuarat bila ia diluluskan.

2. Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.

3. Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Persatuan mengikut perlumbagaan dan hendaklah ia menjalankan semua perintah mesyuarat agung dan jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua rekod dan dokumen Persatuan, kecuali buku-buku akaun dan dokumen kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi maklumat terperinci ahli mengikut kategori seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah kediaman tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat.

4. Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.

5. Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Persatuan. Dia hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya atas ketepatan penyata kewangan pertubuhan yang terdiri daripada penyata penerimaan dan perbelanjaan serta kunci kira-kira.

6. Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

## **FASAL 10 KEWANGAN**

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam perlumbagaan ini wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Persatuan, termasuklah belanja pentadbiran dan biayaan.

2. Bendahari dibenarkan menyimpan wang tunai tidak lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih dari jumlah itu mestilah dalam tempoh 7 hari dimasukkan ke dalam akaun bank atas nama Persatuan.
3. Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa berhak melantik seseiapa antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau pengeluaran wang Persatuan semasa ketiadaan mana-mana penandatangan tersebut.
4. Perbelanjaan yang lebih daripada RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran mesyuarat agung terlebih dahulu. Perbelanjaan RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja) dan ke bawah bagi sesuatu masa boleh diluluskan bersama oleh Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.
5. Penyata kewangan bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit yang dilantik di bawah Fasal 11 perlombagaan ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kewangan yang telah diaudit itu hendaklah diedarkan untuk makluman ahli-ahli dan dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung yang berikut. Setiap salinan tersebut hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Persatuan.
6. Tahun kewangan Pertubuhan ini hendaklah bagi tempoh 12 bulan iaitu bermula dari 1 Januari – 31 Disember setiap tahun.

## FASAL 11 JURUAUDIT

1. Dua orang yang bukannya pegawai Pertubuhan hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung sekali setiap dua (2) tahun sebagai Juruaudit. Mereka yang memegang jawatan selama dua (2) tahun dan boleh dilantik semula.
2. Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa penyata kewangan Persatuan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Juruaudit hendaklah membuat perakuan dan menandangi penyata kewangan tersebut untuk pertimbangan Mesyuarat Agung tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Presiden mengaudit penyata kewangan Persatuan pada bila-bila masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

## FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH

1. Segala harta tidak alih Persatuan hendaklah didaftarkan atas nama Persatuan dan segala surat cara pelaksanaan berkaitan dengan harta ini dianggap sah dan

berkuatkuasa seolah-olah ianya telah dilaksanakan oleh seorang tuan punya berdaftar dengan syarat surat cara itu disempurnakan oleh 3 orang pemegang jawatan Persatuan pada masa itu yang mana perlantikan mereka disahkan melalui sijil perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan dan dimeteri dengan meteri Persatuan.

2. Harta tidak alih Persatuan tidak boleh dijual, digadai, ditarik balik atau ditukar milik tanpa persetujuan Mesyuarat Agung.

### **FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN**

1. Dalam tempoh di antara dua Mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada perlembagaan ini dan Jawatankuasa, jika perlu, boleh memutuskan perkara-perkara yang kurang jelas di dalam perlembagaan ini.
2. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam mesyuarat agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

### **FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG**

1. Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/Penaung bagi Persatuan ini dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis terlebih dahulu.

### **FASAL 15 LARANGAN**

1. Sebarang bentuk perjudian seperti yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Judi Terbuka, 1953 adalah dilarang di premis Persatuan.
2. Persatuan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan pekerja seperti definisi di dalam Akta Kesatuan Pekerja 1959.
3. Persatuan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli, tanpa kelulusan dari pihak berkuasa yang berkenaan.
4. "Faedah" seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahlinya.
5. Semua wang dan keuntungan yang didapat oleh Persatuan ini hasil dari penyertaannya dalam kegiatan ekonomi hendaklah disalurkan kembali kepada Persatuan bagi mencapai matlamat Persatuan ini dan tidak boleh digunakan untuk

membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada mana-mana ahli Persatuan. Sungguhpun begitu peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran gaji atau perbelanjaan pentadbiran atau kedua-duanya kepada mana-mana ahli atau pekerja Persatuan.

## **FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN**

1. Perlembagaan ini tidak boleh dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk pindaan perlembagaan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung yang meluluskan pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## **FASAL 17 PEMBUBARAN**

1. Persatuan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dalam suatu mesyuarat agung yang dipanggil khas kerananya.
2. Sekiranya Persatuan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut perlembagaan hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam mesyuarat agung berkenaan.
3. Permohonan pembubaran ini hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh keputusan pembubaran itu.

## **FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA**

1. Bendera
  - 
  - Keterangan
  -
2. Lambang



#### Keterangan

##### BENTUK HURUF P

Melambangkan peranan ahli-ahli yang menyokong fungsi utama Universiti Putra Malaysia yang merangkumi 3P iaitu Pengajaran, Penyelidikan dan Perkhidmatan

##### BENTUK MIKROSKOP

Melambangkan semangat penerokaan bagi mencari jalan penyelesaian yang terbaik

##### BENTUK KELALANG BULAT BERCECAIR MERAH MERUAP

Melambangkan simbolik kepada semangat yang berkobar-kobar dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab

##### WARNA BIRU

Melambangkan perpaduan dan kekitaan di kalangan ahli

##### WARNA MERAH

melambangkan keberanian dan semangat yang jitu dalam memartabatkan bidang sains

##### WARNA KELABU

Melambangkan keutamaan intelektual, pengetahuan, kebijaksanaan, profesional, kualiti dan keselamatan

### 3. Lencana

-

#### Keterangan

-